

BAB 4. Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak bersekutu

4.1. Pemerintahan Kesultanan Melayu di Perlis,Kedah,Kelatan, Terengganu dan Johor

1.Antara berikut manakah *Bukan* Negeri Negeri Melayu tidak Bersekutu

A.Kedah

B.Johor

C.Perak

D.Perlis

2.Siapaakah Raja Muda Perlis?

A.Raja Syed Hussin Jamalullail

B. Sultan Zainal Abidin I

C.Maharaja Abu Bakar

D.Raja Mahadi Bin Raja Sulaiman

3.Perlis merupakan wilayah yang terpisah dengan _____
pada tahun 1842

A.Kedah

B.Kelantan

C.Johor

D.Terengganu

4. Berapakah bilangan mukim di Perlis

A.23

B.17

C.22

D.20

5. Berapakah bilangan mukim di Kedah pada abad ke-19

A.130

B.117

C.129

D.128

4.2 Peluasan Kuasa British di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu

1. Mengapakah Kelantan dan Terengganu menjadi sasaran jajahan British di Tanah Melayu ?

- A. Sultan meminta bantuan daripada British
- B. Strategik di laluan perdagangan
- C. Pemerintahan yang lemah
- D. Negeri miskin di Tanah Melayu

2. Apakah sumbangan negeri Kedah dan Perlis sekiranya negeri ini dikuasai oleh British?

A. Memberikan persaingan kepada Siam

B. Menyediakan kawasan untuk latihan ketenteraan

C. Menyediakan sumber bekalan makanan kepada penduduk di Pulau Pinang

D. Menyediakan bekalan tentera kepada British

3. Apakah manfaat menghubungkan Burma dengan Pulau Pinang kepada pihak British?

A. British akan berjaya menawan Siam dan Burma

B. Singapura akan terus ketinggalan dari segi perdagangan

C. British akan mendapat sokongan daripada kerajaan India

D. British akan mempunyai rangkaian terus perhubungan dengan India

4. Apakah faktor penjajahan British ke atas Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu ?

I. Kedudukan yang strategik

II. Beban orang putih

III. Dasar dekolonisasi

IV. Semangat ingin tahu

A. I dan II

B. II dan III

C. III dan IV

D. I dan IV

5. Apakah yang dimaksudkan dengan penampian ?

- A. Sesuatu yang menjadi sumber inspirasi kepada negara
- B. Sesuatu yang menjadi sumber kekayaan bagi sesebuah negara
- C. Sesuatu yang menjadi penahan, penyekat dan penghalang
- D. Sesuatu yang mendorong kepada penjajahan British

4.3. Peluasan Kuasa British di Johor

1. Apakah punca kedudukan Johor terancam?

- A. Penguasaan British terhadap Singapura
- B. Penguasaan Belanda terhadap Indonesia
- C. Penguasaan Sultan Melaka ke Johor
- D. Penguasaan Keluarga Bendahara

2. Siapakah pelopor yang telah memperkenalkan sistem kangchu

- A. Sultan Abu Bakr
- B. Temenggung Daeng Ibrahim
- C. Sultan Ali Iskandar Shah
- D. Sultan Ibrahim

3. Nyatakan pemerintah yang telah menerajui kesultanan Johor ?

- I. Temenggung Daeng Ibrahim
- II. Sultan Abu Bakr
- III. Sultan Ibrahim
- IV. Sultan Ahmad

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. I, II dan III
- D. II, III dan IV

4. Apakah jenis tanaman komersial yang diperkenalkan dalam sistem kangchu?

- I. Lada hitam
 - II. Gambir
 - III. Lada Sulah
 - IV. Gabus
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I dan III
 - D. II dan IV

5. Pada 12 mei 1914, sultam Ibrahim menandatangani perjanjian Sir Arthur Henderson Young yang bersetuju dengan pelantikan seorang penasihat am British. Siapakah penasihat am British pertama di Johor?

- A. Douglas Gabriel Bill
- B. Douglas Graham Bell
- C. Douglas Graham Campbell
- D. Douglas Henry Gurney

4.4. Sistem Pentadbiran NNMTB

1. Pentadbiran NNMTB bersifat_____

- A. Longgar
- B. Ketat
- C. Demokrasi
- D. Autokrasi

2. NNMTB terletak di bawah kawalan

- A. Raja/sultan
- B. Residen
- C. Pesuruhjaya tinggi
- D. Penasihat british

3. _____ terlibat secara langsung dalam pentadbiran Perlis

- A. Penasihat british
- B. Raja
- C. Gabenor
- D. Residen

4. _____ menjalankan pentadbiran Perlis yang dipengerusikan oleh raja

- A. Majlis mesyuarat negeri
- B. Majlis mesyuarat persekutuan
- C. Majlis negeri
- D. Majlis Daerah

5. Majlis mesyuarat Kedah menjalankan pentadbirannya sejak tahun _____

- A. 1906
- B. 1905
- C. 1904
- D. 1903